



**PEJABAT PENGARAH WILAYAH,  
PEJABAT LAUT WILAYAH TIMUR,  
JALAN HILIRAN,  
20300 KUALA TERENGGANU.  
TERENGGANU DARUL IMAN**

Fax : 09-6233676  
Telephone : 09-6221471/ 9473/ 9478  
Kawat :  
E-mail : pgrht@jlsmp.po.my

---

**PEKELILING PELABUHAN BIL.( 76 ) 15/69 JLD. 2**

**DARIPADA** : Pengarah Laut Wilayah Timur

**KEPADA** : Semua pengusaha pengkalan kemudahan dan struktur luar pantai,  
Pengusaha/Pengendali tempat simpanan bekalan minyak, gas dan kimia

**TARIKH** : 10 Oktober 1998

**PENGENDALIAN PERALATAN DI TERMINAL  
YANG MENGGUNAKAN PERISIAN SISTEM BERKOMPUTER.**

**Keterangan :-**

Dimaklumkan kepada mereka yang terlibat dengan penggunaan perisian komputer berkaitan kemungkinan masalah yang mungkin dihadapi kepada sistem berkomputer di pihak tuan akibat pertukaran tarikh pada 1 Januari 2000 yang juga dikenali sebagai masalah Y2K

Pihak yang terlibat dengan perisian sistem komputer untuk mengendalikan fungsi-fungsi tugas yang di antaranya berkaitan dengan pengawalan keselamatan tangki-tangki/tempat simpanan bahan-bahan kimia, gas dan minyak haruslah prihatin kepada permasalahan ini.

**Cadangan :-**

Sehubungan itu dicadangkan kepada pihak-pihak yang terlibat :

1. Mengadakan program-program kesedaran kepada klien serta kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam pengendalian komputer di bawah tanggungjawab tuan.
2. Mengenalpasti dan memeriksa sistem keselamatan peralatan dan termasuklah menjalankan ujian ke atas perkakasan komputer oleh mereka yang mengendalikannya.
3. Semua peralatan hubungan kargo daratan dan kapal di terminal yang bermikrocip hendaklah disemak dan kesediaan menghadapi masalah Y2k.

**Peringatan :-**

“Regulatory Authorities” akan mengadakan pemeriksaan ke atas tahap kesediaan pengusaha terminal dan pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan sistem di bawah kawalan mereka dapat disepadukan seperti yang dikehendaki pihak berwajib.

**Nota :-**

Bersama-sama ini disertakan :-

- Notis Perkapalan Saudagar JL 8/1998 dan JL 9/1998
- Borang soal selidik Y2K untuk disempurnakan dan dikembalikan secepat mungkin.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**Saya yang menurut perintah,**

**(NOOR ARIFF BIN YUSOFF)**  
Pengarah Laut Wilayah Timur,  
Kuala Terengganu.